

18 JUL 2003

MCA-Adun

CHAN SETUJU ISU ADUN DIBICANG PERINGKAT TERTINGGI BN

KOTA BAHARU, 18 Julai (Bernama) -- MCA bersetuju dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar isu penarikan balik penggantungan dua Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) MCA dari Pulau Pinang dibincangkan di peringkat Barisan Nasional (BN).

Timbalan Presidennya Datuk Chan Kong Choy berkata adalah menjadi tanggungjawab MCA sebagai anggota komponen BN, merujuk perkara itu kepada Dewan Tertinggi BN untuk dibincang dan diputuskan secara bersama.

Beliau berkata MCA akan menerima apa sahaja keputusan yang dibuat oleh BN.

"Sebarang keputusan ini kita akan terima mengikut peraturan yang ditetapkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Kwang Tung Malaysia di sini, hari ini.

Chan yang juga Menteri Pengangkutan berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam yang meminta isu penggantungan dua Adun terbabit dibincang di peringkat Dewan Tertinggi BN.

Majlis Tertinggi MCA pada 16 Dis lepas menggantung keanggotaan Adun Jawi, Tan Cheng Liang dan Adun Datuk Keramat, Lim Boo Chang kerana mengambil pendirian berkecuali ketika pengundian usul pada persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting bagaimanapun mengumumkan penarikan balik pengantungan kedua-dua Adun itu, minggu lepas.

Chan juga berkata yang ditarik balik adalah penggantungan sebagai ahli MCA tetapi penggantungan sebagai Adun terserah kepada Dewan Tertinggi BN.

"Pengantungan sebagai ahli MCA kita buat, tetapi penggantungan sebagai Adun kita serah kepada Barisan Nasional," katanya.

-- BERNAMA

MNR BD MOZ